

10 AUG 1998

DR MAHATHIR AKAN BUAT KEPUTUSAN MENGENAI GHAPUR

KOTA KINABALU, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah dimaklumkan secara rasmi mengenai peletakan jawatan Datuk Ghapur Salleh sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, dan beliau akan membuat keputusan mengenainya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam berkata: "Surat peletakan jawatan Ghapur diterima beberapa hari lepas dan perkara ini telah diserahkan kepada Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, sama ada untuk menerima atau tidak (peletakan jawatan itu)".

Osu yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata demikian pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan Umno negeri, di sini, malam ini.

Ketika ditanya sama ada Umno negeri akan memujuk Ghapur untuk menimbang semula peletakan jawatannya itu, Osu berkata Ghapur memberi alasan bahawa ia sebagai memberi peluang kepada pemimpin yang ada jawatan dalam kerajaan.

Ghapur, yang turut menghadiri mesyuarat malam ini, mengejutkan ramai pihak apabila menolak untuk dilantik semula ke kabinet negeri selepas Tan Sri Bernard Dompok mengambil alih teraju kerajaan negeri daripada Datuk Yong Teck Lee pada Mei lepas.

Osu berkata mesyuarat malam ini turut mengambil ketetapan supaya jentera pilihan raya Umno yang sudah mula digerakkan mengambil pendekatan sederhana dan bekerjasama dengan parti-parti komponen lain bagi menghadapi pilihan raya negeri.

-- BERNAMA

KG NAK